

Ombak besar badai pantai selepas gunung berapi Anak Krakatau meletus

# Selat Sunda dilanda tsunami

KOSMO 24/12/2018 M/S 02

**CARITA, INDONESIA** – Satu kejadian tsunami ekoran letusan sebuah gunung berapi meragut nyawa 222 orang di beberapa pantai popular di Selat Sunda, Indonesia malam kelmarin.


Menurut jurucakap Badan Nasional Pencarian dan Pertolongan (BASARNAS), Sutopo Purwo Nugroho, beratus-ratus bangunan musnah selepas ombak besar mabadai pesisir pantai di selatan Sumatera dan barat Pulau Jawa sekitar pukul 9.30 malam (waktu tempatan) selepas gunung berapi Anak Krakatau meletus.

Pasukan mencari dan menyelamatkan sedang giat mengesan mangsa yang terselamat selepas 222 disahkan terbunuh.

Gambar kawasan pantai selepas dilanda bencana itu menunjukkan pokok tercabut dari tanah dan pelbagai serpihan bangunan bertaburan.

Pintalan bumbung besi, kayu dan runtuhannya bangunan dihanyutkan jauh ke pedalaman dari pantai Carita, salah satu pusat pelancongan popular di barat Pulau Jawa.

Asep Perangkat, antara mangsa yang terselamat di pantai Carita menceritakan detik dia dan keluarganya



ANAK Krakatau merupakan sebuah pulau gunung berapi yang muncul dari dasar laut kira-kira 91 tahun lalu.

berdepan ombak besar yang melanda tengah pekan itu.

“Kereta diheret kira-kira 10 meter; begitu juga kontena barang. Bangunan di pinggir pantai ini musnah, pokok dan tiang elektrik tumbang. Semua penduduk yang selamat melarikan diri ke dalam hutan,” katanya.

Pihak berkuasa menyatakan, tsunami itu mungkin berpunca daripada gelombang ombak abnormal sualan fasa anak bulan dan tanah runtuh di bawah laut disebabkan letusan Anak Krakatau yang membentuk sebuah pulau kecil di Selat Sunda antara Pulau Jawa dan Sumatera.

“Gabungan faktor itu menyebabkan satu tsunami

tiba-tiba terbentuk dan melanda pesisir pantai,” kata Nugroho.

Tambahnya, agensi geologi Indonesia masih cuba menyelidik bagaimana tsunami itu berlaku.

Ombak itu menenggelamkan sebahagian besar kawasan pantai di sekitar Selat Sunda tetapi paling teruk terjejas ialah daerah Pandeglang di barat Pulau Jawa.

“Peralatan berat dihantar ke kawasan yang teruk terjejas bagi membantu mencari mangsa hilang.

“Pos pemindahan dan dapur awam juga disediakan untuk mangsa,” kata Nugroho.

Anak Krakatau adalah sebuah pulau gunung berapi



PENDUDUK kembali ke rumah masing-masing untuk melihat kesan kerosakan selepas dilanda tsunami di Carita semalam.

pi yang muncul dari dasar laut kira-kira 91 tahun lalu selepas letusan besar gunung berapi Krakatau pada tahun 1883 yang meragut nyawa lebih 36,000 orang.

Menurut agensi geologi Indonesia, Anak Krakatau telah menunjukkan petanda semakin aktif sejak beberapa hari lalu, memuntahkan kepulan asap setinggi beribu-ribu meter.

Gunung berapi itu meletus sekali lagi beberapa minit selepas pukul 9 malam (waktu tempatan) kelmarin.

Satu letusan sebelum pukul 4 petang (waktu tempatan) kelmarin berterusan selama 13 minit dan meluahkan debu beratus-ratus meter tinggi ke langit. – AFP

## INFO Tsunami di Selat Sunda, Indonesia

